DENGAN
KERJASAMA

JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

E-Book

TADABBUR
SURAH AL-MULK

KUASA DUNIA & AKHIRAT

TADABBUR
SURAH AL-MULK
KUASA DUNIA & AKHIRAT

JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

Cetakan 2026
JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

Hak Cipta Terpelihara
Tidak dibenarkan mengeluar ulang, mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Jabatan Mufti Negeri Perak.

Diterbitkan oleh :
JABATAN MUFTI NEGERI PERAK
Tingkat 5, Kompleks Islam Darul Ridzuan,
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh, Perak.

+605-2545332

+605-2419694

muftiperak@perak.gov.my

http://mufti.perak.gov.my

SIDANG PENULIS

PENASIHAT

S.S MUFTI NEGERI PERAK

PENGERUSI

S.S DATO' HAJI ZAMRI BIN HASHIM

PENYELARAS

A.F. USTAZ MOHD HAFIZ BIN SULAIMAN

EDITOR

USTAZ MUHAMMAD FIKHRI BIN MOHD RAZMAN

DOKUMENTASI

PN. NURIL' AWATIF FATIN BINTI MOHAMAD

REKA BENTUK GRAFIK

EN. ZULFITRIE BIN ZAMRI

FOTO

EN. MUHAMMAD HAZIM HAIKAL BIN MAZLAN

PENULIS

- TUAN HAJI NORHANIZAM BIN MOHAMED TAJUDIN
  (Jabatan Pendidikan Negeri Perak)
- USTAZ NIK ABDUL MALEK BIN NIK HUSSEN
  (SMK Raja Chulan)
- USTAZ MOHAMAD SAUFFI ASYRAF BIN MAD ISA
  (SMA Addiniah Al Islamiah)
- USTAZ KHALED BIN MAT
  (Guru Pendidikan Islam SMKA Slim River)
- USTAZ MUHAMMAD FIRDAUS BIN MOHD HARON
  (SMKA Kerian)
- USTAZ IZAM JAMIRI BIN BAHARIN
  (SK Cheh Kuala Kangsar)
- USTAZ KHIDZIR BIN INSAB
  (SK Talang Kuala Kangsar)

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Kata Aluan I	i
Kata Aluan II	ii
Pengenalan Surah al-Mulk	1
Perkaitan Surah al-Mulk	1
Kelebihan Surah al-Mulk	2
Ayat 1 Surah al-Mulk	4
Ayat 2 Surah al-Mulk	10
Ayat 3 Surah al-Mulk	16
Ayat 4 Surah al-Mulk	22
Ayat 5 Surah al-Mulk	28
Ayat 6 Surah al-Mulk	34
Ayat 7 Surah al-Mulk	40
Ayat 8 Surah al-Mulk	46
Ayat 9 Surah al-Mulk	52
Ayat 10 Surah al-Mulk	58
Ayat 11 Surah al-Mulk	64
Ayat 12 Surah al-Mulk	70
Ayat 13 Surah al-Mulk	76

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Ayat 14 Surah al-Mulk	82
Ayat 15 Surah al-Mulk	88
Ayat 16 Surah al-Mulk	94
Ayat 17 Surah al-Mulk	100
Ayat 18 Surah al-Mulk	106
Ayat 19 Surah al-Mulk	112
Ayat 20 Surah al-Mulk	118
Ayat 21 Surah al-Mulk	124
Ayat 22 Surah al-Mulk	130
Ayat 23 Surah al-Mulk	136
Ayat 24 Surah al-Mulk	142
Ayat 25 Surah al-Mulk	148
Ayat 26 Surah al-Mulk	154
Ayat 27 Surah al-Mulk	160
Ayat 28 Surah al-Mulk	166
Ayat 29 Surah al-Mulk	172
Ayat 30 Surah al-Mulk	178

KATA ALUAN I

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ، وَعَلَى آلِه وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ، أَمَّا بَعْدُ

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya jua E-Book Tadabbur Surah al-Mulk: Kuasa Dunia & Akhirat berjaya diterbitkan dengan jayanya. Diharapkan karya ini mampu memberi manfaat besar kepada umat Islam khususnya dalam memahami Surah al-Mulk dengan lebih mendalam. Buku ini menghimpunkan huraian setiap ayat daripada Surah al-Mulk bermula daripada ayat 1 hingga ayat 30.

Antara keistimewaan buku ini ialah dilengkapi dengan fiqh ayat, pengajaran ayat serta isu semasa. Tidak ketinggalan juga, ianya turut dilengkapi aplikasi kehidupan dan hubung kait antara satu ayat dengan ayat yang lain agar mesej setiap ayat dapat difahami dengan lebih mudah.

Penerbitan ini diharap bukan sahaja memberi kefahaman mendalam mengenai kandungan Surah al-Mulk, bahkan dapat membimbing masyarakat untuk menghayati al-Quran sebagai sumber panduan hidup. Semoga ianya menjadi amal jariah yang berpanjangan kepada semua pihak yang terlibat dalam penyusunan dan penghasilannya.

Sekalung penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menyiapkan penerbitan E-Book ini. Segala cadangan dan teguran membina amat dialu-alukan demi penambahbaikan pada masa akan datang. Semoga usaha yang murni ini mendapat keberkatan daripada Allah SWT dan menjadi pencetus untuk kita semua menjadi umat Islam yang lebih baik serta berjaya di dunia dan akhirat, Insya Allah.

Salam hormat,
DATO' HAJI ZAMRI BIN HASHIM
Timbalan Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan

KATA ALUAN II

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang,

Dengan rasa syukur yang tidak terhingga berkat Taufik dan hidayah-Nya penulisan bahan ilmiah mengenai tafsir Surah al-Mulk dapat disiapkan.

Jabatan Pendidikan Negeri Perak menzahirkan ucapan Tahniah kepada semua yang terlibat dalam menyiapkan penulisan ini terutamanya kepada pihak Jabatan Mufti Negeri Perak yang berusaha keras dalam menjayakannya. Begitu juga kepada pihak urus setia dan tidak lupa kepada semua ahli panel yang terlibat menyiapkan penulisan ilmiah ini.

Semoga bahan ini akan memberi manfaat kepada warga pendidikan khasnya juga dapat disebarluas kepada seluruh masyarakat di dalam menambahkan lagi kefahaman terhadap surah yang telah dipilih.

Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Perak sentiasa menyokong usaha murni sebegini dan pastinya dengan kerjasama yang baik ini membuahkan hasil yang berkualiti bagi merealisasikan masyarakat Madani yang kita impikan.

Tahniah .

ZULKAFLI BIN MOHAMED MOKHTAR P.M.P.
Pengarah Pendidikan Negeri Perak

SURAH AL-MULK

Pengenalan Surah

Surah al-Mulk merupakan surah ke-67 dalam al-Quran. Ia terdiri daripada 30 ayat dan tergolong dalam surah Makkiyyah. Dinamakan surah ini dengan nama Surah al-Mulk kerana di dalamnya terdapat perkataan al-Mulk bermaksud “kerajaan”, merujuk kepada kekuasaan mutlak Allah SWT ke atas seluruh alam ciptaan-Nya.

Kaitan Surah Al-Mulk & Surah At-Tahrim

- Surah ini dengan surah yang sebelumnya iaitu Surah at-Tahrim mempunyai kesamaan dari sudut tema, mesej dakwah dan peringatan kepada manusia.
- Surah at-Tahrim mengingatkan tentang kesan peribadi akibat kecuaian iman dan tindakan, manakala Surah al-Mulk memperlihatkan akibat besar dalam bentuk azab kubur dan neraka.
- Kedua-dua surah menekankan tentang keperluan bertakwa, beramal soleh dan menghindari sikap lalai daripada tanggungjawab kepada Allah. Dalam surah at-Tahrim, Allah menjelaskan tentang azab yang bersifat khusus (terhadap individu tertentu), manakala dalam Surah al-Mulk pula meluaskan peringatan kepada semua manusia.

KELEBIHAN SURAH AL-MULK

Mendapat Syafaat Akhirat

Surah al-Mulk memberi syafaat kepada orang yang membacanya secara istiqamah hingga diampunkan dosanya.

Sabda Rasulullah SAW: "Sesungguhnya ada satu surah dalam al-Quran yang mengandungi tiga puluh ayat, ia memberi syafaat kepada pembacanya hingga diampunkan dosanya. Ia adalah surah 'Tabarakallazi biyadihil Mulk'."
(Hadis riwayat Abu Daud, al-Tirmizi, Ibn Majah, dan al-Hakim – sahih)

Selamat Azab Kubur

Surah ini dikenali sebagai al-Mani’ah iaitu pelindung yang menghalang pembacanya daripada menerima azab kubur.

Rasulullah SAW bersabda: "Surah dalam al-Quran yang menghalang daripada azab kubur iaitu 'Tabarakallazi biyadihil Mulk'."
(Riwayat al-Hakim, al-Tirmizi dan Ahmad – hasan sahih)

KELEBIHAN SURAH AL-MULK

Rasulullah Membaca Sebelum Tidur

Dalam beberapa riwayat yang sahih, Rasulullah SAW dikatakan membaca Surah al-Mulk bersama Surah as-Sajdah pada setiap malam sebelum tidur.

Daripada Jabir RA: "Adalah Nabi SAW tidak tidur sehingga membaca ‘Alif Laam Miim Tanziil’ (as-Sajdah) dan ‘Tabaarakallazi biyadihil Mulk’."
(Riwayat al-Tirmizi, Ahmad dan al-Hakim – sahih)

Menjadi Pendamping di Alam Kubur

Menurut riwayat, Surah al-Mulk akan datang menemani si mati di kuburnya, lalu memohon kepada Allah agar dia tidak diazab.

Diriwayatkan oleh Ibn Mas’ud RA bahawa beliau berkata: "Seseorang akan didatangi malaikat azab di kubur, lalu datang Surah al-Mulk dan menghalanginya, sambil berkata: ‘Engkau tidak berkuasa atasnya kerana dia membaca aku di dunia.’"

AYAT 1

ALLAH PEMILIK KEKUASAAN MUTLAK ALAM SEMESTA

تَبَٰرَكَ ٱلَّذِى بِيَدِهِ ٱلْمُلْكُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرُ ۝١

Maha Berkat (serta Maha Tinggilah kelebihan) Tuhan yang menguasai pemerintahan (dunia dan akhirat); dan memanglah Ia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

(Surah al-Mulk : 67 : 1)

FIQH AYAT

01

Allah menguasai segala kerajaan dan Dia Maha Berkuasa atas segala sesuatu.

02

Allah adalah pemilik langit dan bumi di dunia dan akhirat.

PENGAJARAN AYAT

Segala kekuasaan adalah milik Allah yang Maha Berkuasa dan Maha Suci yang mencipta dan mentadbir alam ini.

Umat Islam perlu meyakini bahawa hanya Allah yang mengatur segala urusan makhluk termasuklah urusan hidup, mati, rezeki dan takdir.

Setiap mukmin hendaklah percaya bahawa Allah Maha Suci daripada segala sifat kekurangan dan kelemahan.

Ayat ini mendidik hati manusia supaya tunduk dan patuh kepada syariat dan hukum Allah sebagai tanda mengakui kekuasaan-Nya.

ISU SEMASA

01

Pemimpin, ahli korporat atau individu tertentu menyalahgunakan kuasa hingga menzalimi orang lain. Contohnya seperti gejala rasuah, salah guna kuasa dalam pentadbiran dan monopoli kekayaan negara.

02

Segelintir masyarakat mempertikaikan qada' dan qadar, terlibat dengan amalan khurafat sedangkan kita wajib bergantung sepenuhnya kepada Allah sebagai Pemilik segala sesuatu dan bukannya kepada sihir, bomoh atau kuasa ghaib selain-Nya.

03

Budaya pempengaruh yang menyalahgunakan media sosial dengan menjadikan pengikut sebagai ukuran kuasa dan pengaruh.

APLIKASI KEHIDUPAN



1. Kita perlu mengingatkan diri kita dan pemerintah bahawa kekuasaan itu bersifat sementara dan akan dipersoalkan.

2. Kita hendaklah sedar bahawa hanya Allah yang memiliki kuasa mutlak.

3. Perlu kita menginsafi bahawa hidup ini di bawah kekuasaan Allah, maka segala gerak-geri kita adalah di bawah pengawasan-Nya.

HUBUNGAN ANTARA AYAT

sebelum (surah at-tahrim)

Allah menceritakan tentang wanita yang salehah dan melakukan ketaatan kepada-Nya, iaitu Mariam anak puteri Imran yang sentiasa menjaga kehormatannya. Segala rahsia di bawah pengetahuan Allah.

1

sekarang (ayat 1)

Allah menegaskan tentang kekuasaan-Nya yang mutlak.

2

selepas (ayat 2)

Allah mengaitkan kekuasaan itu dengan kejadian hidup dan mati sebagai ujian kepada manusia.

3

AYAT 2

KEMATIAN DAN KEHIDUPAN UJIAN BAGI MANUSIA

ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلْمَوْتَ وَٱلْحَيَوٰةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ۚ وَهُوَ
ٱلْعَزِيزُ ٱلْغَفُورُ ﴿٢﴾

Dialah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) - untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya; dan Ia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang-orang yang bertaubat).

(Surah al-Mulk : 67 : 2)

FIQH AYAT

01

Allah SWT menjadikan kematian dan kehidupan untuk menguji dan menetapkan bukti ke atas mereka siapa yang paling taat dan ikhlas kepada-Nya.

02

Allah berkuasa dalam memberi balasan terhadap orang-orang yang melakukan maksiat kepada-Nya, serta Maha Pengampun kepada orang yang bertaubat.

PENGAJARAN AYAT

Kualiti amalan adalah lebih utama daripada kuantitinya, di mana Allah menilai manusia berdasarkan amalan yang paling baik, bukan yang paling banyak semata-mata.

Hidup adalah masa untuk beramal, bertaubat dan bersedia menghadapi kematian yang pasti tiba.

Allah berkuasa membalas segala perbuatan hamba-Nya, namun Dia juga Maha Pengampun kepada mereka yang bertaubat.

ISU SEMASA

01

Sebilangan masyarakat sibuk mengejar kesenangan, kekayaan dan kejayaan dunia semata-mata tanpa mempedulikan akhirat.

02

Budaya 'show off' seperti menayang sedekah, selfie di hadapan Kaabah dan lain-lain dipamerkan di media sosial.

03

Sistem pendidikan zaman kini terlalu menekankan pencapaian akademik semata-mata tanpa memberi ruang untuk pengukuhan sahsiah, akhlak dan nilai rohani.

APLIKASI KEHIDUPAN



1. Kita hendaklah mempercayai bahawa kesihatan, kekayaan, kesusahan dan kejayaan adalah ujian daripada Allah.

2. Kita hendaklah meyakini bahawa Allah melihat “ahsanu ʿamala” (amalan yang terbaik) bukan yang terbanyak, tetapi yang ikhlas kerana Allah dan menepati syariat Islam.

3. Sebagai orang beriman, kita perlulah meyakini bahawa kematian adalah untuk mendidik hati kita tidak lalai dan leka dengan duniawi.

4. Kita perlulah memperbanyakkan istighfar dan bersangka baik dengan Allah ketika ditimpa kesusahan.

HUBUNGAN ANTARA AYAT

sebelum (ayat 1)

Allah SWT memperkenalkan Diri-Nya sebagai Tuhan yang memiliki kuasa mutlak atas segala sesuatu (“الذي بيده الملك”) dan berkuasa mencipta dan mematikan.

1

sekarang (ayat 2)

Allah menjelaskan bahawa hidup dan mati dicipta sebagai ujian kepada manusia untuk melihat siapa yang paling baik amalannya.

2

selepas (ayat 3)

Allah Taala menunjukkan keagungan ciptaan-Nya di langit yang tersusun tanpa cacat cela.

3

AYAT 3

PENCIPTAAN LANGIT BUKTI KESEMPURNAAN CIPTAAN ALLAH

ٱلَّذِى خَلَقَ سَبۡعَ سَمَٰوَٰتٍ طِبَاقًاۖ مَّا تَرَىٰ فِى خَلۡقِ ٱلرَّحۡمَٰنِ مِن تَفَٰوُتٍۖ فَٱرۡجِعِ
ٱلۡبَصَرَ هَلۡ تَرَىٰ مِن فُطُورٍ ٣

Dialah yang telah mengaturkan kejadian tujuh petala langit yang berlapis-lapis; engkau tidak dapat melihat pada ciptaan Allah Yang Maha Pemurah itu sebarang keadaan yang tidak seimbang dan tidak munasabah; (jika engkau ragu-ragu) maka ulangilah pandangan - (mu) - dapatkah engkau melihat sebarang kecacatan?

(Surah al-Mulk : 67 : 3)

FIQH AYAT

01

Allah telah menjadikan tujuh lapis langit dengan sempurna.

02

Kejadian langit adalah lurus dan seimbang yang menunjukkan kebesaran Sang Penciptanya dan tidak ada keaiban di dalamnya.

PENGAJARAN AYAT

Orang beriman diajak untuk melihat dan memerhati ciptaan Allah agar bertambah keimanan dan keyakinan terhadap-Nya.

Alam ini bukan terjadi secara rawak atau kebetulan, sebaliknya teratur dengan sistem yang sempurna.

Kehebatan struktur langit menunjukkan kewujudan dan kekuasaan Allah yang menciptakannya.

Melihat kepada keindahan alam mendidik manusia menjadi lebih taat, bersyukur dan merendah diri kepada Allah.

ISU SEMASA

01

Pencemaran udara, air, penebangan hutan, pemanasan global dan kemusnahan biodiversiti akibat tangan-tangan manusia.

02

Manusia yang gagal mengimbangkan kehidupan dunia dan akhirat bakal berdepan dengan pelbagai krisis kemusnahan alam.

03

Penyebaran ideologi materialistik dan saintifik ekstrem (scientism) yang menafikan unsur ketuhanan. Contohnya golongan liberal dan sekular yang memperlekehkan agama dan mengagungkan logik semata-mata.

APLIKASI KEHIDUPAN



1. Kita perlu berfikir dan merenung ciptaan Allah seperti langit, bintang, bumi dan sistem alam.

2. Kita perlu mendidik diri agar dapat mengintegrasikan antara ilmu sains dengan kekuasaan Allah.

3. Kita perlu membimbing masyarakat agar nilai ihsan dapat dibawa dalam bidang STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Matematik).

HUBUNGAN ANTARA AYAT

sebelum (ayat 2)

Allah menciptakan kehidupan di dunia sebagai ujian kepada manusia untuk melihat siapa yang paling baik amalannya.

1

sekarang (ayat 3)

Allah Taala menunjukkan keagungan ciptaan-Nya di langit yang tersusun tanpa sebarang kelemahan dan kekurangan.

2

selepas (ayat 4)

Allah menguatkan lagi hujah ini dengan cabaran kepada manusia supaya melihat berulang kali terhadap ciptaan-Nya; nescaya mereka tetap tidak akan menemui sebarang kelemahan.

3

AYAT 4

MANUSIA DIPERINTAHKAN UNTUK MEMERHATIKAN CIPTAAN ALLAH

ثُمَّ ٱرۡجِعِ ٱلۡبَصَرَ كَرَّتَيۡنِ يَنقَلِبۡ إِلَيۡكَ ٱلۡبَصَرُ خَاسِئًا وَهُوَ حَسِيرٌ ٤

Kemudian ulangilah pandangan (mu) berkali-kali, nescaya pandanganmu itu akan berbalik kepadamu dengan hampa (daripada melihat sebarang kecacatan), sedang ia pula berkeadaan lemah lesu (kerana habis tenaga dengan sia-sia).

(Surah al-Mulk : 67 : 4)

FIQH AYAT

01

Jika manusia berulang kali memandang ke arah langit, nescaya mereka akan teruja dan tidak akan dapat melihat kecacatan padanya.

02

Manusia akan gagal mencari kelemahan ciptaan Allah kerana mereka adalah makhluk yang lemah dan terbatas.

PENGAJARAN AYAT

Sebagai makhluk yang diciptakan Allah, manusia tidak akan dapat menemui sebarang kecacatan dalam ciptaan-Nya, walau sebanyak mana sekalipun manusia mengkajinya.

Kemampuan manusia sangat terbatas dan tidak mampu menandingi keagungan ilmu serta ciptaan Allah.

Umat Islam hendaklah sentiasa berfikir, meneliti dan mentadabbur alam ini supaya dapat mengenal dan mendekatkan diri kepada Allah.

Orang beriman perlu insaf dan mengakui keagungan Allah kerana akal dan usaha manusia gagal menemui kecacatan dalam ciptaan Allah.

ISU SEMASA

01

Terdapat segolongan ilmuwan dan elit teknologi yang berasa seolah-olah mereka mengetahui segala-galanya. Seumpama sindrom "kekuasaan sains" yang menyebabkan manusia merasakan tidak lagi memerlukan kepada wahyu. Ini meningkatkan lagi golongan “new atheist” yang memperlekeh agama secara terbuka di media sosial.

02



Ilmu sains moden semakin mengagumkan dalam meneroka alam semesta, namun sering kali gagal mengaitkannya dengan keesaan Allah Taala seperti penemuan bintang, galaksi dan black hole.

03



Manusia cuba menyalahkan takdir di atas berlakunya sesuatu bencana, kematian dan wabak seperti menyalahkan Allah ketika diuji dengan pandemik COVID-19.

APLIKASI KEHIDUPAN



1. Kita perlulah mengajak diri melihat keindahan langit malam, bintang dan galaksi ciptaan Allah agar sentiasa bersyukur dengan kurniaan-Nya.

2. Kita hendaklah mendidik diri untuk menghormati ilmu dengan adab dan bukannya rasa sombong kerana kemajuan dan teknologi semata-mata.

3. Kita hendaklah berusaha dengan penuh kegigihan tanpa patah semangat.

HUBUNGAN ANTARA AYAT

Sebelum (ayat 3)

Allah Taala menunjukkan keagungan ciptaan-Nya di langit yang tersusun tanpa cacat cela.

1

Sekarang (Ayat 4)

Allah mencabar manusia supaya berulang kali mencari kelemahan dalam ciptaan-Nya.

2

Selepas (Ayat 5)

Allah memberikan contoh keindahan ciptaan tersebut dengan bintang-bintang yang menghiasi langit malam, menjadi bukti kesempurnaan ciptaan Allah.

3

AYAT 5

LANGIT DIHIASI DENGAN BINTANG PENGUSIR SYAITAN

وَلَقَدۡ زَيَّنَّا ٱلسَّمَآءَ ٱلدُّنۡيَا بِمَصَٰبِيحَ وَجَعَلۡنَٰهَا رُجُومٗا لِّلشَّيَٰطِينِۖ وَأَعۡتَدۡنَا
لَهُمۡ عَذَابَ ٱلسَّعِيرِ ٥

Dan demi sesungguhnya! Kami telah menghiasi langit yang dekat (pada penglihatan penduduk bumi) dengan bintang-bintang, dan Kami jadikan bintang-bintang itu punca rejaman terhadap Syaitan-syaitan; dan Kami sediakan bagi mereka azab neraka yang menjulang-julang.

(Surah al-Mulk : 67 : 5)

FIQH AYAT

01

Allah SWT menghiasi langit dunia iaitu langit yang paling dekat dengan manusia dengan pelbagai planet yang bercahaya kerana pancarannya.

02

Allah SWT menyediakan azab yang sangat panas kepada syaitan kerana kekufuran, kesesatan dan kerosakan yang dilakukan oleh mereka.

03

Allah menjadikan meteor untuk memukul syaitan yang mencuri dengar perbualan penduduk langit.

PENGAJARAN AYAT

Kejadian langit dan bintang serta fenomena alam semesta menjadi bukti kekuasaan Allah.

Bintang dijadikan sebagai rejaman terhadap syaitan yang mencuri dan mendengar berita dari langit.

Umat Islam perlu menjauhi godaan syaitan dan tidak menjadi pengikut mereka.

ISU SEMASA

01

Pengajaran subjek sains yang kurang menekankan aspek tauhid dan keajaiban ciptaan Allah.

02

Kekaguman manusia dengan keindahan langit, galaksi dan fenomena langit tanpa mengaitkannya dengan kebesaran Allah.

03

Ramalan nasib berdasarkan zodiak dan kedudukan bintang semakin popular dalam media sosial.

APLIKASI KEHIDUPAN



1. Marilah kita mengamalkan doa dan bacaan pelindung harian dalam kehidupan agar terpelihara daripada gangguan dan tipu daya syaitan.

2. Kita perlu menghargai seni ciptaan Allah dan melihat keindahan alam sebagai pintu ke arah keimanan.

3. Kita hendaklah sentiasa memberi peringatan kepada manusia agar tidak mengikut langkah syaitan yang sombong.

4. Sebagai pendakwah, kita perlu meyakini bahawa bintang bukan hanya menjadi alat astronomi semata-mata, tetapi juga sebagai medium dakwah yang memberi pelajaran kepada manusia.

HUBUNGAN ANTARA AYAT

sebelum (ayat 4)

Allah menguatkan lagi hujah ini dengan cabaran kepada manusia supaya melihat berulang kali terhadap ciptaan-Nya; nescaya mereka tetap tidak akan menemui sebarang kelemahan.

1

sekarang (ayat 5)

Allah memberikan contoh bukti kesempurnaan ciptaan-Nya dengan bintang-bintang yang menghiasi langit pada waktu malam.

2

selepas (ayat 6)

Dalam ayat ini Allah menegaskan balasan azab terhadap golongan kufur yang menolak kekuasaan-Nya, iaitu azab neraka jahanam.

3

AYAT 6

ORANG KAFIR DIAZAB DALAM NERAKA JAHANAM

وَلِلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِرَبِّهِمْ عَذَابُ جَهَنَّمَ ۖ وَبِئْسَ ٱلْمَصِيرُ ٦

Dan bagi orang-orang yang kufur ingkar terhadap Tuhan mereka, disediakan azab neraka jahanam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali.

(Surah al-Mulk : 67 : 6)

FIQH AYAT

01

Orang yang ingkar akan keesaan Allah serta mendustakan risalah Rasul-Nya akan mendapat seksaan neraka Jahanam di akhirat.

02


Neraka adalah seburuk-buruk tempat.

PENGAJARAN AYAT

Orang yang kufur kepada Allah akan dihumban ke dalam neraka jahannam.

Berdakwah kepada agama Allah adalah tanggungjawab setiap manusia.

ISU SEMASA



1 Pertubuhan global “Ex-Muslim” semakin lantang melalui saluran YouTube dan ruang Reddit Malaysia mempromosikan naratif “Tiada Azab dan Agama adalah Ciptaan Manusia”.

2 Gaya hidup “meme & parodi” (seloka mempersendakan ayat al-Quran) di TikTok; “dark humour” menjerumuskan remaja dalam sikap mempermainkan azab neraka.

3 Statistik NGO dakwah kampus menunjukkan peningkatan pelajar yang ‘keluar agama’ secara sembunyi kerana dipengaruhi oleh rakan antarabangsa, hubungan siber dan bahan bacaan skeptik.

4 Pasca pandemik, segelintir masyarakat kembali dengan sikap hedonistik, di mana masjid kembali lengang, kegiatan e-sport dan hiburan berlebihan mengalihkan tumpuan daripada akhirat.

APLIKASI KEHIDUPAN



1. Kita hendaklah memberi penekanan kepada konsep “al-khauf wa al-raja’” (takut dan harap) dalam mendidik akhlak pelajar agar dapat menjadi insan yang bertakwa.

2. Sebagai Muslim kita wajib mengingatkan masyarakat bahawa setiap perbuatan baik atau buruk akan menerima akibatnya.

3. Sebagai orang Islam kita perlulah menjauhi sikap takabbur dan ujub kerana itulah sikap Iblis yang membawa kepada kebinasaan.

HUBUNGAN ANTARA AYAT

sebelum (ayat 5)

Allah memberikan contoh keindahan ciptaan dengan bintang-bintang yang menghiasi langit malam yang menjadi bukti kesempurnaan ciptaan Allah.

1

sekarang (ayat 6)

Allah menegaskan balasan azab terhadap golongan kufur yang menolak kekuasaan-Nya iaitu azab neraka jahannam.

2

selepas (ayat 7)

Allah menghuraikan keadaan yang mengerikan di dalam neraka itu, dengan suara yang menakutkan dan nyalaan api yang menggelegak.

3

AYAT 7

NERAKA DIGAMBARKAN DENGAN SUARA YANG MENGERIKAN DAN MENGGELEGAK

إِذَآ أُلۡقُواْ فِيهَا سَمِعُواْ لَهَا شَهِيقٗا وَهِيَ تَفُورُ ٧

Apabila mereka dicampakkan ke dalamnya, mereka mendengar suara jeritannya meraung-raung sedang ia menggelegak.

(Surah al-Mulk : 67 : 7)

FIQH AYAT

01

Neraka mempunyai sifat yang menakutkan iaitu jeritannya yang mengerikan dan airnya yang menggelegak merebus orang-orang kafir.

PENGAJARAN AYAT

Neraka digambarkan dengan api yang menggelegak dan mengeluarkan bunyi yang amat menakutkan.

Bunyi dan gejolak api neraka sudah cukup untuk menunjukkan betapa pedihnya azab akhirat yang tidak dapat ditanggung oleh sesiapa pun.

Orang yang kufur kepada Allah bukan hanya dihina di dunia bahkan disiksa di akhirat dengan azab yang amat dahsyat.

Perasaan takut terhadap azab neraka akan mendorong manusia untuk meningkatkan amal soleh dan menjauhi maksiat.

ISU SEMASA

01

Wujud golongan yang mempersendakan kewujudan neraka dan seksaannya.

02

Mempamerkan maksiat secara terbuka menggambarkan ketidakpedulian mereka kepada azab dan seksaan api neraka.

03

Filem dan kandungan digital yang memaparkan neraka sebagai tempat “menarik” atau “kerajaan jahat” yang mencabar Tuhan.

APLIKASI KEHIDUPAN



1. Kita perlu mengajak masyarakat untuk mentadabbur ayat berkaitan neraka agar dapat menimbulkan keinsafan.

2. Kita mesti menjelaskan kepada masyarakat betapa bahayanya ancaman ‘normalisasi maksiat’ dalam media sosial yang boleh mendorong kepada perbuatan mungkar seperti khalwat, zina, rasuah dan lain-lain.

3. Kita perlu beriman kepada perkara ghaib khususnya berkaitan dengan seksaan dan azab neraka.

HUBUNGAN ANTARA AYAT

Sebelum (ayat 6)

Allah menegaskan bahawa azab neraka jahannam disediakan terhadap golongan kufur yang menolak kekuasaan-Nya.

1

Sekarang (Ayat 7)

Allah menghuraikan keadaan yang mengerikan di dalam neraka itu, dengan suara yang menakutkan dan nyalaan api yang menggelegak.

2

Selepas (Ayat 8)

Allah menambahkan lagi ancaman itu dengan menyatakan bahawa neraka hampir pecah kerana kuatnya kemarahan terhadap orang kafir.

3

AYAT 8

KEMARAHAN NERAKA YANG DAHSYAT

تَكَادُ تَمَيَّزُ مِنَ ٱلْغَيْظِ ۖ كُلَّمَآ أُلْقِىَ فِيهَا فَوْجٌ سَأَلَهُمْ خَزَنَتُهَآ أَلَمْ يَأْتِكُمْ نَذِيرٌ ﴿٨﴾

Hampir-hampir ia pecah berkecai-kecai kerana kuat marahnya. Tiap-tiap kali dicampakkan ke dalamnya sekumpulan besar (dari orang kafir), bertanyalah penjaga-penjaga neraka itu kepada mereka: "Tidakkah kamu pernah didatangi seorang Rasul pemberi ingatan dan amaran (di dunia dahulu)?"

(Surah al-Mulk : 67 : 8)

FIQH AYAT

01

Neraka digambarkan hampir pecah atau hancur lantaran dahsyatnya kemarahan terhadap orang-orang yang kafir.

02

Manusia telah diberikan peringatan tentang azab api neraka semasa di dunia.

PENGAJARAN AYAT

Allah Taala menggambarkan azab neraka begitu dahsyat terhadap orang kafir.

Setiap manusia wajib mendengar dan mematuhi ajaran yang dibawa oleh para rasul.

Orang yang menolak peringatan daripada Allah bukan sahaja akan membawa kepada penyesalan sepanjang hayat bahkan akan mengundang kemurkaan dan azab-Nya.

ISU SEMASA

01

Pendakwah kurang menggunakan kaedah media moden seperti TikTok, podcast dan infografik bagi menarik minat golongan remaja dan belia.

02

Sudah banyak bencana yang berlaku namun masih ramai yang tidak mengambil ibrah dan pengajaran.



03

Masyarakat moden semakin *alergik* terhadap nasihat dan teguran ulama dengan memberikan respon negatif terhadap mereka.

APLIKASI KEHIDUPAN



1. Kita wajib menyampaikan peringatan agama secara berterusan kepada masyarakat.

2. Kita perlu berlapang dada untuk mendengar dan menerima nasihat walaupun pahit kerana ia mungkin menjadi penyelamat di hari akhirat nanti.

3. Kita wajib beriman dengan gambaran neraka yang "hampir pecah" kerana ia menunjukkan kemurkaan Allah.

HUBUNGAN ANTARA AYAT

sebelum (ayat 7)

Allah menghuraikan keadaan yang mengerikan di dalam neraka dengan suara yang menakutkan dan nyalaan api yang menggelegak.

1

sekarang (ayat 8)

Allah menambahkan lagi keseraman itu dengan menyatakan bahawa neraka seakan-akan akan pecah atau meletup lantaran marahnya terhadap orang kafir.

2

selepas (ayat 9)

Allah menunjukkan pengakuan orang kafir bahawa mereka telah mendustakan peringatan itu semasa di dunia.

3

AYAT 9

SIKAP ORANG KAFIR TERHADAP RASUL

قَالُوا۟ بَلَىٰ قَدْ جَآءَنَا نَذِيرٌ فَكَذَّبْنَا وَقُلْنَا مَا نَزَّلَ ٱللَّهُ مِن شَىْءٍ إِنْ أَنتُمْ
إِلَّا فِى ضَلَٰلٍ كَبِيرٍ ٩

Mereka menjawab: "Ada! Sebenarnya telah datang kepada kami seorang Rasul pemberi ingatan dan amaran, lalu kami dustakan serta kami katakan (kepadanya): Allah tidak menurunkan sesuatu pun, kamu (wahai orang yang mendakwa menjadi Rasul) hanyalah berada dalam kesesatan yang besar!"

(Surah al-Mulk : 67 : 9)

FIQH AYAT

01

Orang kafir mengakui kedatangan Rasul yang memberi peringatan kepada mereka, namun mereka mendustakannya.

PENGAJARAN AYAT

Antara sikap orang kafir ialah mendustakan Rasul dan peringatannya.

Setiap manusia telah diberi peringatan tetapi orang kafir memilih untuk menolaknya.

Menolak ajaran wahyu dan mencemuh para Rasul adalah antara punca utama yang membawa kepada kebinasaan.

Di akhirat nanti, orang-orang kafir mengakui bahawa peringatan Rasul telah disampaikan kepada mereka, namun mereka tetap mendustakannya.

ISU SEMASA

01

Kewujudan golongan menolak hadis sebagai sumber hukum dan meletakkan Rasul sebaris dengan tokoh-tokoh tertentu.

02



Umat akhir zaman menuduh para pendakwah sebagai kolot, pelampau atau sesat seperti yang pernah dilakukan oleh kaum terdahulu terhadap para nabi.

03

Fahaman sekular dan liberal yang menular dalam masyarakat menyebabkan masyarakat semakin jauh daripada wahyu.

APLIKASI KEHIDUPAN



1. Kita dituntut membuat "Check-in Hati" atau “Mutabaah Amal” bagi menilai sama ada kita semakin dekat atau jauh dari Allah.

2. Kita tidak boleh bersikap seperti orang kafir yang mendustakan dan mencemuh para asatizah dan pendakwah yang sentiasa memberikan peringatan.

3. Sebagai Muslim, kita perlu mengelakkan diri daripada bersifat sombong kerana itulah sifat iblis yang menolak kebenaran.

HUBUNGAN ANTARA AYAT

sebelum (ayat 8)

Allah menambahkan lagi ancaman itu dengan menyatakan bahawa neraka seakan-akan akan meletup kerana kemarahannya terhadap orang kafir.

1

sekarang (ayat 9)

Allah menunjukkan pengakuan orang kafir yang telah mendustakan peringatan-Nya semasa di dunia dahulu.

2

selepas (ayat 10)

Allah menambah pengakuan mereka bahawa keengganan mendengar dan memahami peringatan Allah menyebabkan mereka menjadi penghuni neraka.

3

AYAT 10

PENYESALAN ORANG KAFIR

وَقَالُوا۟ لَوْ كُنَّا نَسْمَعُ أَوْ نَعْقِلُ مَا كُنَّا فِىٓ أَصْحَٰبِ ٱلسَّعِيرِ ﴿١٠﴾

Dan mereka berkata: "Kalaulah kami dahulu mendengar dan memahami (sebagai orang yang mencari kebenaran), tentulah kami tidak termasuk dalam kalangan ahli neraka".

(Surah al-Mulk : 67 : 10)

FIQH AYAT

01

Penyesalan orang-orang kafir terhadap kebodohan mereka kerana mendustakan risalah para Rasul.

02

Orang kafir tidak akan menjadi penghuni neraka sekiranya peringatan para Rasul diterima oleh mereka.


PENGAJARAN AYAT

Allah Taala telah mengurniakan akal dan pancaindera kepada manusia supaya mereka mengenal kebenaran dan menerima petunjuk.

Orang yang enggan mendengar dan berfikir tentang wahyu telah memilih untuk berada dalam kesesatan.

Orang-orang kafir akan mengaku dan menyesal kerana tidak mendengar dan menggunakan akal untuk memahami kebenaran.

ISU SEMASA



1. Masyarakat kini lebih tertarik kepada hiburan daripada mengikuti majlis ilmu.

2. Segelintir kita yang berpendidikan tinggi lebih cenderung menerima budaya dan gaya hidup barat tanpa menilainya dari kaca mata Islam.

3. Kecenderungan masyarakat kini yang memberi keutamaan kepada sains dan teknologi tanpa pendidikan rohani menyebabkan agama diketepikan.

4. Masyarakat yang materialistik terlalu sibuk mengejar dunia sehingga tidak sempat berfikir tentang akhirat.

APLIKASI KEHIDUPAN

01

Kita wajib mewujudkan masa sendiri untuk bermuhasabah diri.

Kita mesti menghargai masa dan memanfaatkannya sebelum terlambat.

02

HUBUNGAN ANTARA AYAT

Sebelum (ayat 9)

Allah menunjukkan pengakuan orang kafir yang telah mendustakan peringatan-Nya semasa di dunia dahulu.

1

Sekarang (Ayat 10)

Allah menambah pengakuan mereka bahawa keengganan mendengar dan memahami peringatan Allah menyebabkan mereka menjadi penghuni neraka.

2

Selepas (Ayat 11)

Allah menunjukkan bahawa penyesalan orang kafir dengan dosa mereka yang dilakukan, namun ianya sudah terlambat untuk bertaubat.

3

AYAT 11

PENGAKUAN ORANG KAFIR

فَٱعۡتَرَفُواْ بِذَنۢبِهِمۡ فَسُحۡقٗا لِّأَصۡحَٰبِ ٱلسَّعِيرِ ١١

Akhirnya mereka mengakui dosa-dosa mereka (sebagai orang-orang yang kufur ingkar), maka tetaplah jauhnya rahmat Allah dari ahli neraka.

(Surah al-Mulk : 67 : 11)

FIQH AYAT

01

Orang kafir jauh daripada rahmat Allah sama ada mereka mengakui dosa yang dilakukan atau pun mengingkarinya.

PENGAJARAN AYAT

Orang kafir mengakui dosa mereka setelah dihumban ke dalam neraka tetapi ketika itu penyesalan tidak lagi berguna.

Mereka yang kekal dalam kekufuran dan tidak bertaubat akan dihukum dengan azab yang dahsyat.

Islam menganjurkan taubat sebelum tibanya ajal.

Setiap dosa akan diadili dan diberi balasan yang setimpal kecuali jika diampuni Allah.

ISU SEMASA



1. Berlakunya normalisasi dosa dalam masyarakat sehingga tidak lagi rasa bersalah ketika melakukan aktiviti maksiat.

2. Sikap manusia yang suka bertangguh dan menunggu saat terakhir untuk berubah seperti “nanti dah tua baru taubat” dan apabila diuji dengan sakit atau kematian orang tersayang.

3. Masyarakat moden sering rasa kebal dengan balasan akhirat kerana terpengaruh dengan kehidupan materialistik.

4. Wujudnya gaya hidup “confession” dosa secara terbuka di TikTok, X (Twitter) atau Facebook tanpa niat untuk taubat.

APLIKASI KEHIDUPAN



1. Kita perlu menyuburkan budaya bertaubat yang sebenar (taubat nasuha) untuk kembali kepada Allah.

2. Kita hendaklah menyeru masyarakat agar membersihkan akaun media sosial mereka daripada unsur maksiat kerana setiap dosa pasti diperhitungkan dan akan membawa penyesalan yang besar.

3. Sebagai Muslim, kita hendaklah mengakui kesalahan dengan ikhlas dan berazam untuk berubah.

HUBUNGAN ANTARA AYAT

sebelum (ayat 10)

Allah menambah pengakuan mereka bahawa keengganan mendengar dan memahami peringatan Allah menyebabkan mereka menjadi penghuni neraka.

1

sekarang (ayat 11)

Allah menunjukkan bahawa penyesalan orang kafir dengan pengakuan dosa mereka, namun taubat mereka sudah terlambat.

2

selepas (ayat 12)

Allah memperlihatkan balasan baik untuk orang beriman yang takut kepada Allah, walaupun tidak melihat-Nya.

3

AYAT 12

GANJARAN BAGI ORANG YANG TAKUTKAN ALLAH

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَخۡشَوۡنَ رَبَّهُم بِٱلۡغَيۡبِ لَهُم مَّغۡفِرَةٞ وَأَجۡرٞ كَبِيرٞ ١٢

Sesungguhnya orang-orang yang takut (melanggar hukum) Tuhannya semasa mereka tidak dilihat orang dan semasa mereka tidak melihat azab Tuhan, mereka beroleh keampunan dan pahala yang besar.

(Surah al-Mulk : 67 : 12)

FIQH AYAT

01

Orang beriman wajib merasa takut daripada melanggar hukum Allah, cemas akan siksaan-Nya dan bermujahadah melawan Syaitan.

02

Orang yang takutkan Allah dan siksa-Nya akan mendapat keampunan dan ganjaran yang besar (syurga).

PENGAJARAN AYAT

Keampunan dan pahala besar dijanjikan kepada mereka yang memelihara iman dan amal secara ikhlas.

Orang yang benar-benar takut kepada Allah dalam apa jua keadaan akan mendapat ganjaran besar.

Beriman kepada perkara ghaib seperti kewujudan Allah, syurga dan neraka adalah asas penting dalam akidah.

ISU SEMASA

01

Segelintir masyarakat tidak merasai kehadiran Allah dalam kehidupan seharian mereka.


02

Berlakunya rasuah, penipuan dan penyalahgunaan kuasa dalam sesebuah organisasi kerana tiada rasa takut kepada Allah.

03

Subjek agama yang lebih memfokuskan kepada pembentukan sahsiah, akhlak dan kesedaran beragama dilihat kurang penting berbanding Sains dan Matematik.

APLIKASI KEHIDUPAN



1. Kita hendaklah mendidik diri untuk takut kepada Allah dan bukannya takut kepada guru, ibu bapa atau kamera CCTV kerana iman yang meresap ke dalam hati.

2. Kita perlulah menerapkan konsep muraqabah iaitu merasakan Allah melihat segala perbuatan.

3. Kita mesti yakin dengan janji dan keampunan Allah serta beristiqamah dalam melaksanakan amal ibadat.

HUBUNGAN ANTARA AYAT

sebelum (ayat 11)

Allah menunjukkan bahawa penyesalan orang kafir dengan pengakuan dosa mereka, namun taubat mereka sudah terlambat.

1

sekarang (ayat 12)

Allah memperlihatkan balasan baik untuk orang beriman yang takut kepada Allah, walaupun tidak melihat-Nya.

2

selepas (ayat 13)

Allah menjelaskan sebab utama perlu takut kepada-Nya iaitu kerana Dia Maha Mengetahui segala yang tersembunyi di dalam hati manusia.

3

AYAT 13

ALLAH MAHA MENGETAHUI

وَأَسِرُّواْ قَوۡلَكُمۡ أَوِ ٱجۡهَرُواْ بِهِۦٓۖ إِنَّهُۥ عَلِيمُۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ١٣

Dan tuturkanlah perkataan kamu dengan perlahan atau dengan nyaring, (sama sahaja keadaannya kepada Allah), kerana sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan segala (isi hati) yang terkandung di dalam dada.

(Surah al-Mulk : 67 : 13)

FIQH AYAT

01

Allah Maha Mengetahui segala yang nyata dan tersembunyi.

PENGAJARAN AYAT

Allah menilai manusia daripada zahir dan batin.

Ayat ini mengingatkan manusia bahawa segala bisikan dan rahsia hati diketahui oleh Allah sepenuhnya.

Mereka yang berpura-pura taat tetapi menyembunyikan kekufuran di dalam hati tidak akan dapat melepaskan diri daripada pengetahuan Allah.

Tidak ada satu pun yang tersembunyi daripada pengetahuan Allah.

ISU SEMASA

01

Manusia hipokrit berwatak baik di hadapan tetapi menyembunyikan niat jahat dalam hati.

02

Warganet yang tidak bertanggungjawab menyebarkan fitnah, komen, sindiran dan mesej berbaur hasutan di media sosial dengan menggunakan akaun palsu.

03

Ramai manusia tidak rasa diawasi Allah, lalu menganggap maksiat tersembunyi adalah ‘selamat’.

APLIKASI KEHIDUPAN



1. Kita hendaklah melatih diri dan masyarakat supaya melakukan sesuatu kerana Allah.

2. Kita perlulah menerapkan nilai keikhlasan dalam setiap urusan.

3. Kita perlulah mendidik diri dan masyarakat agar tidak menipu diri sendiri.

HUBUNGAN ANTARA AYAT

Sebelum (ayat 12)

Allah memperlihatkan balasan baik untuk orang beriman yang takut kepada Allah, walaupun tidak melihat-Nya.

1

Sekarang (Ayat 13)

Allah menjelaskan sebab utama perlu takut kepada-Nya iaitu kerana Dia Maha Mengetahui segala yang tersembunyi di dalam hati manusia.

2

Selepas (Ayat 14)

Allah mengukuhkan penjelasan ini dengan menyatakan bahawa Pencipta sudah tentu mengetahui keadaan segala makhluk yang diciptakan.

3

AYAT 14

ALLAH MAHA TELITI

أَلَا يَعۡلَمُ مَنۡ خَلَقَ وَهُوَ ٱللَّطِيفُ ٱلۡخَبِيرُ ١٤

Tidakkah Allah yang menciptakan sekalian makhluk itu mengetahui (segala-galanya)? Sedang Ia Maha Halus urusan pentadbiran-Nya, lagi Maha Mendalam pengetahuan-Nya!

(Surah al-Mulk : 67 : 14)

FIQH AYAT

01

Allah Maha Mengetahui segala sesuatu yang rahsia dan terang kerana Dialah yang menciptakan manusia di dunia ini.

02

Allah pencipta segala sesuatu, maka Dia lebih mengetahui tentang makhluk ciptaan-Nya.

PENGAJARAN AYAT

Setiap gerak hati, niat, fikiran dan perbuatan manusia tidak terlepas daripada ilmu Allah.

Nama Allah Al-Latif (Maha Halus) dan Al-Khabir (Maha Mengetahui) menunjukkan ketelitian dan kesempurnaan ilmu-Nya dalam mengurus makhluk.

Menyedari bahawa Allah mengetahui segala sesuatu akan melahirkan sifat ikhlas, amanah dan takut kepada dosa.

Sebagai Pencipta, Allah mengetahui segala rahsia dan isi hati makhluk-Nya, sama ada tersembunyi atau nyata.

ISU SEMASA



1 Segelintir saintis dan ilmuan hari ini seakan-akan mencabar kebijaksanaan Allah dengan merasakan mereka boleh mengurus dunia tanpa agama.

2 Terdapat anggota masyarakat yang berani mempersoalkan ketetapan syariah yang telah ditetapkan oleh Allah.

3 Kegagalan manusia untuk mencari hikmah di sebalik takdir yang berlaku membawa kepada kekecewaan dan putus asa.

4 Manusia lebih percaya kepada sistem dan undang-undang ciptaan mereka sendiri sekaligus menolak kebergantungan kepada Allah.

APLIKASI KEHIDUPAN



1. Kita hendaklah mendidik diri dan masyarakat supaya bersangka baik kepada qada' dan qadar Allah.

2. Kita dan masyarakat diajak untuk berserah diri kepada Allah dan redha dengan Keputusan-Nya.

3. Apabila kita meletakkan tawakkal dan redha kepada Allah, kita tidak akan berputus asa dan yakin dengan sifat Allah Al-Latif dan al-Khabir.

HUBUNGAN ANTARA AYAT

sebelum (ayat 13)

Allah menjelaskan sebab utama untuk takut kepada Allah iaitu kerana Dia mengetahui segala yang tersembunyi di dalam hati.

1

sekarang (ayat 14)

Allah mengukuhkan penjelasan ini dengan menyatakan bahawa Pencipta sudah tentu lebih mengetahui keadaan segala makhluk yang diciptakan.

2

selepas (ayat 15)

Allah menunjukkan bukti kekuasaan dan rahmat-Nya dengan menjadikan bumi mudah untuk dimanfaatkan dan menjadi tempat mencari rezeki.

3

AYAT 15

PENCIPTAAN LANGIT BUKTI KESEMPURNAAN CIPTAAN ALLAH

هُوَ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ ذَلُولًا فَٱمْشُوا۟ فِى مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا۟ مِن رِّزْقِهِۦ ۖ
وَإِلَيْهِ ٱلنُّشُورُ ﴿١٥﴾

Dia lah yang menjadikan bumi bagi kamu: mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah; dan (ingatlah), kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula; (maka hargailah nikmat-Nya dan takutilah kemurkaan-Nya).

(Surah al-Mulk : 67 : 15)

FIQH AYAT

01

Bumi dan segala apa yang ada di dalamnya diciptakan khusus untuk manusia.

02

Allah Taala memudahkan urusan hamba-hamba-Nya dalam mencari rezeki.

03

Manusia akan dibangkitkan kembali dari kubur untuk dihisab dan dihitung amalan masing-masing.

PENGAJARAN AYAT

Islam menggalakkan umatnya berusaha mencari rezeki halal, bukan berpeluk tubuh atau bergantung semata-mata kepada nasib.

Allah menjadikan bumi mudah didiami, diusahakan dan dimanfaatkan oleh manusia.

Rezeki manusia telah pun ditetapkan oleh Allah sejak azali.

Rezeki perlu disyukuri dengan rasa syukur kepada Allah.

ISU SEMASA



1. Ramai manusia tidak menghargai nikmat Allah seperti tanah yang subur, air yang bersih, udara yang nyaman dan hasil bumi yang melimpah ruah.

2. Manusia lebih suka mengeksploitasi bumi secara berlebihan tanpa memikirkan kesannya.

3. Terdapat umat Islam terlalu sibuk bekerja dan mengejar rezeki dunia sehingga mengabaikan ibadah.

4. Dalam mencari rezeki, terdapat orang Islam mengabaikan aspek halal dan haram.

APLIKASI KEHIDUPAN



1. Kita hendaklah melaksanakan budaya kerja yang tekun kerana ianya adalah ibadah.

2. Kita wajib mencari rezeki yang halal lagi baik sebagai bukti kehambaan kepada Allah.

3. Dalam mencari rezeki, kita hendaklah menjauhkan diri daripada perbuatan dosa dan maksiat.

HUBUNGAN ANTARA AYAT

sebelum (ayat 14)

Allah mengukuhkan penjelasan ini dengan menyatakan bahawa Pencipta sudah tentu lebih mengetahui keadaan segala makhluk yang diciptakan.

1

sekarang (ayat 15)

Allah menunjukkan bukti kekuasaan dan rahmat-Nya dengan menjadikan bumi mudah untuk dimanfaatkan dan menjadi tempat mencari rezeki.

2

selepas (ayat 16)

Allah memberikan amaran bahawa bumi yang sama yang menjadi tempat mencari rezeki boleh menjadi alat untuk mengazabkan manusia sekiranya mereka kufur dan lalai daripada mengingati Allah.

3

AYAT 16

BERASA AMAN DARI AZAB ALLAH SWT

ءَأَمِنتُم مَّن فِي ٱلسَّمَآءِ أَن يَخۡسِفَ بِكُمُ ٱلۡأَرۡضَ فَإِذَا هِيَ تَمُورُ ١٦

Patutkah kamu merasa aman (tidak takut) kepada Tuhan yang pusat pemerintahan-Nya di langit itu: menunggang-balikkan bumi menimbus kamu, lalu bergegarlah bumi itu dengan serta-merta (melenyapkan kamu di bawahnya)?

(Surah al-Mulk : 67 : 16)

FIQH AYAT

01

Setiap manusia tidak boleh berasa aman daripada azab Allah SWT kerana itu akan menyebabkannya berterusan berada dalam kesesatan dan kemaksiatan.

02

Allah SWT Maha Berkuasa menimpakan azab atau seksaan terhadap golongan yang ingkar seperti yang dikenakan terhadap kaum ‘Aad dan Thamud.

03

Azab Allah SWT yang ditimpakan ke atas golongan yang ingkar sangat dahsyat dan pedih.

PENGAJARAN AYAT

Rasa takut terhadap azab Allah SWT dapat menghalang diri daripada melakukan kejahatan.

Allah SWT bebas melakukan sesuatu berdasarkan kepada kehendak-Nya seperti menurunkan azab.

Umat terdahulu dilenyapkan oleh Allah dari muka bumi atas keingkaran dan kemaksiatan yang dilakukan.

ISU SEMASA

01

Ramai dalam kalangan manusia masih lalai apabila diuji dengan bala bencana, mereka beranggapan ia hanyalah fenomena alam semata-mata tanpa dikaitkan dengan kekuasaan dan kemurkaan Allah SWT.

02

Sebahagian manusia beranggapan mereka boleh terselamat daripada azab Allah atau hari kiamat dengan membina tempat menetap dan kenderaan yang dianggap kukuh dan kalis bencana dengan menggunakan teknologi terkini sehingga menyebabkan mereka semakin sombong.

03

Tiada rasa ketuhanan dalam diri sebahagian masyarakat moden dan tidak mempercayai akan adanya kebangkitan semula.

APLIKASI KEHIDUPAN



1. Kita perlulah sentiasa memohon perlindungan daripada azab Allah dan berusaha menjadi seorang yang saleh dan musleh.

2. Kita hendaklah menyedari bahawa kita akan sentiasa diuji oleh Allah SWT dengan pelbagai bentuk ujian seperti musibah, kesusahan dan seumpamanya.

3. Kita mestilah berusaha menjadi orang yang sentiasa memberikan peringatan kepada orang lain agar kita semua terselamat dari azab Allah.

HUBUNGAN ANTARA AYAT

sebelum (ayat 15)

Allah SWT menyebutkan tentang bagaimana kejadian muka bumi yang dimudahkan untuk urusan manusia di atasnya.

1

sekarang (ayat 16)

Allah SWT memperingatkan berkenaan kekuasaan-Nya dalam menimpakan azab kepada golongan yang ingkar dan melakukan kerosakan di atas muka bumi.

2

selepas (ayat 17)

Allah SWT menyebutkan lagi bentuk azab yang dikenakan ke atas golongan yang ingkar dan betapa dahsyatnya azab tersebut.

3

AYAT 17

DAHSYATNYA AZAB ALLAH SWT

أَمۡ أَمِنتُم مَّن فِي ٱلسَّمَآءِ أَن يُرۡسِلَ عَلَيۡكُمۡ حَاصِبٗاۖ
فَسَتَعۡلَمُونَ كَيۡفَ نَذِيرِ ١٧

Atau patutkah kamu merasa aman (tidak takut) kepada Allah yang pusat pemerintahanNya di langit itu: menghantarkan kepada kamu angin ribut yang menghujani kamu dengan batu; maka dengan itu, kamu akan mengetahui kelak bagaimana buruknya kesan amaran-Ku?

(Surah al-Mulk : 67 : 17)

FIQH AYAT

01

Perkataan في السماء tidak boleh difahami secara zahir perkataan yang digunakan seperti yang dilakukan oleh golongan ‘Musyabbihah’, bahkan ianya mestilah ditakwilkan. Antara takwilan perkataan tersebut ialah bermaksud kekuasaan, pemerintahan dan kudrat-Nya.

02

Antara azab yang pernah dikenakan kepada golongan yang ingkar ialah angin kencang dan hujan batu ke atas mereka.

03

Kesan amaran Allah SWT terhadap manusia adalah sangat dahsyat dan mengerikan.

PENGAJARAN AYAT

Kewajipan menyucikan Allah SWT daripada segala penyerupaan dengan makhluk.

Pengajaran dari azab yang dikenakan terhadap umat terdahulu seperti kaum Nabi Luth dan tentera bergajah.

Tiada makhluk yang mampu menghadapi dahsyatnya siksaan dan azab Allah SWT.

ISU SEMASA

01

Terdapat golongan yang menyamakan Allah SWT dengan makhluk seperti golongan Musyabbihah dan seumpamanya.

02



Pada masa kini, semakin meningkat penularan HIV berpunca daripada hubungan seks bebas dan songsang.

03

Ada golongan yang tidak mempercayai bahawa adanya azab dan seksaan akhirat dan mempengaruhi orang lain.

APLIKASI KEHIDUPAN



1. Sentiasa mendalami ilmu Akidah supaya kita beriman dengan keimanan yang sebenar dan memahami akidah dengan pemahaman Ahli Sunnah wal Jamaah.

2. Kita hendaklah mendidik generasi masa kini supaya mengamalkan kehidupan berlandaskan syarak.

3. Kita mestilah sentiasa menyedari dan menginsafi kelemahan diri dalam menghadapi kemurkaan Allah SWT yang maha dahsyat.

HUBUNGAN ANTARA AYAT

sebelum (ayat 16)

Allah SWT memperingatkan berkenaan kekuasaan-Nya dalam menimpakan azab kepada golongan yang ingkar dan melakukan kerosakan di atas muka bumi.

1

sekarang (ayat 17)

Allah SWT menyebutkan lagi bentuk azab yang dikenakan ke atas golongan yang ingkar dan betapa dahsyatnya azab tersebut.

2

selepas (ayat 18)

Azab yang dikenakan ke atas kaum terdahulu adalah disebabkan pendustaan mereka terhadap Allah dan Rasulnya.

3

AYAT 18

PERHATIKANLAH KEKUASAAN ALLAH SWT

وَلَقَدۡ كَذَّبَ ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِهِمۡ فَكَيۡفَ كَانَ نَكِيرِ ١٨

Dan demi sesungguhnya! orang-orang (kafir) yang terdahulu daripada mereka telah mendustakan (rasul-rasulnya lalu mereka dibinasakan); dengan yang demikian, (perhatikanlah) bagaimana buruknya kesan kemurkaan-Ku.

(Surah al-Mulk : 67 : 18)

FIQH AYAT

01

Umat terdahulu juga telah mendustakan rasul-rasul yang diutus kepada mereka sepertimana pendustaan yang berlaku pada zaman nabi Muhammad.

02

Ayat ini memberi ketenangan kepada Nabi bahawa pendustaan terhadapnya oleh orang-orang kafir adalah lumrah yang dihadapi oleh semua para rasul.

03

Kemurkaan dan azab Allah SWT ditimpakan ke atas umat terdahulu seperti kaum ‘Aad, Thamud, tentera bergajah dan seumpamanya amatlah dahsyat dan menggerunkan.

PENGAJARAN AYAT

Jalan dakwah adalah jalan yang penuh dengan ujian dan dugaan.

Kisah umat terdahulu yang disampaikan kepada kita adalah suatu pengajaran yang perlu diambil perhatian supaya kita tidak mengulangi kesilapan yang sama.

Tiada siapa yang mampu menghalang berlakunya azab Allah SWT.

ISU SEMASA

01

Golongan sekular masih mengulangi penderhakaan umat terdahulu iaitu keingkaran terhadap kebenaran al-Quran dan menganggap ada rujukan lain yang lebih patut diutamakan dalam kehidupan mereka.

02

Antara penderhakaan terdahulu yang juga masih dilakukan ialah amalan LGBT dalam masyarakat oleh golongan Liberal.

APLIKASI KEHIDUPAN



1. Kita mesti meneruskan agenda dakwah dalam masyarakat walaupun diuji dengan penolakan dan kebencian.

2. Sebagai pendakwah kita perlu sentiasa mengenang kisah para rasul terdahulu dalam menghadapi ujian dakwah supaya jiwa kita akan lebih tenang dan bersemangat dalam meneruskan legasi dakwah tersebut.

3. Kita perlu mengingatkan diri dan masyarakat akibat daripada keingkaran dan kekufuran.

HUBUNGAN ANTARA AYAT

sebelum (ayat 17)

Allah SWT menyebutkan lagi bentuk azab yang dikenakan ke atas golongan yang ingkar dan betapa dahsyatnya azab tersebut.

1

sekarang (ayat 18)

Azab yang dikenakan ke atas kaum terdahulu adalah disebabkan pendustaan mereka terhadap Allah SWTdan Rasulnya.

2

selepas (ayat 19)

Allah membawakan bukti kekuasaan-Nya dengan menyebutkan berkenaan pencipataan burung yang unik untuk diperhatikan.

3

AYAT 19

BERASA AMAN DARI AZAB ALLAH SWT

أَوَلَمْ يَرَوْا۟ إِلَى ٱلطَّيْرِ فَوْقَهُمْ صَٰٓفَّٰتٍ وَيَقْبِضْنَ ۚ مَا يُمْسِكُهُنَّ إِلَّا
ٱلرَّحْمَٰنُ ۚ إِنَّهُۥ بِكُلِّ شَىْءٍۭ بَصِيرٌ ﴿١٩﴾

Patutkah mereka menutup mata dan tidak memerhatikan (kekuasaan Allah) pada burung-burung yang terbang di atas mereka, siapakah yang menjaganya ketika burung-burung itu mengembang dan menutupkan sayapnya? Tidak ada yang menahannya (daripada jatuh) melainkan (kekuasaan) Allah Yang Maha Pemurah. Sesungguhnya Ia Maha Melihat serta mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

(Surah al-Mulk : 67 : 19)

FIQH AYAT

01

Allah menyarankan kepada kita supaya memerhatikan penciptaan burung sebagai salah satu bukti kekuasaan-Nya.

02

Allah yang memberi kemampuan kepada burung untuk terbang dan menahannya dari jatuh dengan rahmat-Nya.

03

Allah tuhan yang Maha Melihat dan Maha Mengetahui, semua perkara dalam pengetahuan-Nya walaupun berada di dalam tanah yang paling dalam atau kegelapan yang paling gelap.

PENGAJARAN AYAT

Pemerhatian terhadap segala ciptaan Allah SWT menjadi bukti jelas atas kekuasaan-Nya akan membawa kepada kepatuhan dan penyerahan diri secara mutlak.

Melalui pemerhatian terhadap ciptaan tuhan kita akan memperoleh ilmu pengetahuan, faedah dan keyakinan.

Kita tidak dapat lari dan bersembunyi daripada pengetahuan Allah SWT.

ISU SEMASA

01

Sebahagian manusia tidak memerhati ciptaan Allah apatah lagi mengambil pengajaran daripadanya.

02

Kurangnya kesedaran dalam memerhatikan ciptaan Allah SWT dalam kalangan umat Islam sedangkan ia sangat bermanfaat dari segi ilmu pengetahuan seperti teori sains, ilmu falak dan pelbagai ilmu yang lain lagi.

03

Ramai manusia melakukan kejahatan dalam media sosial kerana beranggapan bahawa mereka tidak dikenali dan tidak diketahui oleh orang lain dengan menggunakan akaun palsu atau seumpamanya.

APLIKASI KEHIDUPAN



1 Kita disarankan melaksanakan pemerhatian dan penelitian sebelum melakukan sesuatu urusan supaya kita dapat memilih tindakan yang betul dan tepat.

2 Kita mestilah memerhatikan setiap ciptaan Allah kerana ia mempunyai keistimewaan tersendiri yang boleh dimanfaatkan dalam kehidupan seperti penciptaan pesawat berdasarkan teknologi yang ada pada burung Helang Peregrine Falcon.

3 Kita perlulah menyedari bahawa kita sentiasa diperhatikan oleh Allah SWT kerana ia akan mengawal dan menghalang kita daripada melakukan kemaksiatan dan kejahatan.

HUBUNGAN ANTARA AYAT

sebelum (ayat 18)

Azab yang dikenakan ke atas kaum terdahulu adalah disebabkan pendustaan mereka terhadap Allah SWT dan Rasulnya.

1

sekarang (ayat 19)

Allah membawakan bukti kekuasaan-Nya dengan menyebutkan berkenaan penciptaan burung yang unik untuk diperhatikan.

2

selepas (ayat 20)

Tiada penolong bagi kita melainkan Allah SWT kerana Dia yang maha berkuasa atas setiap sesuatu seperti yang dibuktikan dalam ayat sebelumnya.

3

AYAT 20

CELAAN TERHADAP GOLONGAN YANG MENYEMBAH SELAIN ALLAH

أَمَّنْ هَٰذَا ٱلَّذِى هُوَ جُندٌ لَّكُمْ يَنصُرُكُم مِّن دُونِ ٱلرَّحْمَٰنِ ۚ
إِنِ ٱلْكَٰفِرُونَ إِلَّا فِى غُرُورٍ ﴿٢٠﴾

Bahkan siapa dia yang menjadi tentera bagi kamu, yang akan menolong kamu selain dari Allah Yang Maha Pemurah? (Sebenarnya) orang-orang yang kafir tidak lain hanyalah berada dalam keadaan terpedaya.

(Surah al-Mulk : 67 : 20)

FIQH AYAT

01

Orang kafir terpedaya dengan tipu daya syaitan yang mengatakan bahawa mereka tidak akan terkena azab Allah SWT dan kepercayaan dalam penyembahan berhala adalah benar.

02

Tiada tentera yang dapat membantumu untuk berperang dan berlawan dengan Allah SWT kerana semuanya adalah makhluk yang lemah dan akan musnah.

03

Tiada penolong dan pembantu kepada manusia melainkan Allah SWT yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih.

PENGAJARAN AYAT

Pertolongan Allah SWT hanya diberikan kepada golongan beriman bukan kepada orang yang kufur kepada-Nya.

Apabila Allah SWT memberi bantuan, tiada siapa boleh menahannya.

Tipu daya syaitan terhadap anak Adam amat licik dengan menghiasi segala perkara maksiat dan kejahatan yang dilakukan.

ISU SEMASA

01

Sebahagian umat Islam berasa gentar terhadap kekuatan tentera musuh-musuh Allah sehingga menghalang mereka daripada melakukan kebaikan seperti mempertahankan bumi Palestin dari dijajah.

02

Kuasa-kuasa besar dunia semuanya akan mengalami kejatuhan seperti yang berlaku kepada Rom, Parsi, Greek dan seumpamanya, begitu juga kuasa besar dunia yang ada pada hari ini.

03

Di zaman kita ini ramai manusia terkeliru dan terpedaya dengan menganggap bahawa ia bebas melakukan kejahatan atas tujuan kebaikan.

APLIKASI KEHIDUPAN



1. Kita hendaklah memperbanyakkan berdoa dan bergantung segala urusan kepada Allah SWT.

2. Kita mestilah berterusan melakukan kebaikan tanpa rasa gentar kepada mana-mana golongan kerana Allah sentiasa bersama dengan kita.

3. Kita wajib memohon perlindungan kepada Allah SWT dari segala tipu daya syaitan yang sangat licik.

HUBUNGAN ANTARA AYAT

sebelum (ayat 19)

Allah SWT membawakan bukti kekuasaan-Nya dengan menyebutkan berkenaan penciptaan burung yang unik untuk diperhatikan.

1

sekarang (ayat 20)

Tiada penolong bagi kita melainkan Allah SWT kerana Dia yang maha berkuasa atas setiap sesuatu seperti yang dibuktikan dalam ayat sebelumnya.

2

selepas (ayat 21)

Allah SWT menekankan lagi berkenaan kekuasaan-Nya bahawa tiada yang memberi rezeki melainkan Dia.

3

AYAT 21

TIADA YANG MEMBERI DAN MENAHAN REZEKI SELAIN ALLAH

أَمَّنْ هَٰذَا ٱلَّذِى يَرْزُقُكُمْ إِنْ أَمْسَكَ رِزْقَهُۥ ۚ بَل لَّجُّوا۟ فِى عُتُوٍّ وَنُفُورٍ ﴿٢١﴾

Atau siapa dia yang dapat memberi rezeki kepada kamu jika Allah menahan rezeki-Nya? (Tidak ada sesiapapun), bahkan mereka (yang musyrik itu) kekal terus dalam keadaan sombong angkuh serta melarikan diri (dari kebenaran).

(Surah al-Mulk : 67 : 21)

FIQH AYAT

01

Tiada siapa yang dapat memberikan rezeki kepada mana-mana makhluk walau sekecil kuman sekalipun melainkan Allah SWT.

02

Jika Allah SWT memberikan rezeki kepada seseorang, tiada siapa yang boleh menghalangnya. Jika Allah SWT menahan rezeki seseorang, maka tiada yang akan dapat mengurnia dan menyampaikannya.

03

Walaupun diberikan seribu bukti kekuasaan-Nya, orang-orang Kafir tetap sombong dan ingkar terhadap arahan Allah SWT.

PENGAJARAN AYAT

Hakikat pemberi rezeki kepada isteri, anak-anak dan tanggungan kita semua hanyalah Allah SWT.

Tiada daya melainkan kudrat dan kehendak Allah SWT dalam menentukan siapa yang diberikan rezeki dan siapa yang dihalang dari memperolehinya.

Larangan bersikap sombong dan takabbur kerana ia akan membawa kepada kekufuran dan keingkaran terhadap kebenaran.

ISU SEMASA



01

Sebahagian manusia berasa takut untuk menyatakan kebenaran kerana mereka beranggapan rezeki mereka berada di tangan makhluk.

Krisis keyakinan negara Islam yang takut memberi bantuan kepada saudara mereka di bumi Palestin kerana kebergantungan kepada kuasa Barat.

02





03

Kesombongan Zionis dalam melakukan kezaliman terhadap rakyat Palestin terutama kanak-kanak tanpa rasa bersalah.

APLIKASI KEHIDUPAN



1. Kita hendaklah lazimi diri supaya memperbanyakkan memberi supaya melatih keyakinan kita kepada janji rezeki Allah SWT pada yang melakukan kebaikan.

2. Sematkan dalam diri kita bahawa Allah SWT sahaja pemberi rezeki supaya kita akan menjalani kehidupan dengan rasa lapang dan bebas.

3. Sentiasa merendah diri dan berlemah lembut terhadap orang lain supaya kita dimudahkan oleh Allah SWT menerima kebenaran walaupun ia terkena pada batang hidung kita sendiri.

HUBUNGAN ANTARA AYAT

sebelum (ayat 20)

Tiada penolong bagi kita melainkan Allah SWT kerana Dia yang maha berkuasa atas setiap sesuatu seperti yang dibuktikan dalam ayat sebelumnya.

1

sekarang (ayat 21)

Allah SWT menekankan lagi berkenaan kekuasaan-Nya bahawa tiada yang memberi rezeki melainkan Dia.

2

selepas (ayat 22)

Dalam ayat ini Allah menyatakan berkenaan jalan kesesatan dan jalan yang dapat memperoleh hidayah Allah SWT supaya kita berfikir dan melakukan pilihan terbaik.

3

AYAT 22

JALAN KESESATAN ATAU JALAN HIDAYAH?

أَفَمَن يَمۡشِي مُكِبًّا عَلَىٰ وَجۡهِهِۦٓ أَهۡدَىٰٓ أَمَّن يَمۡشِي سَوِيًّا عَلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ٢٢

Maka adakah orang yang berjalan (melalui jalan yang tidak betul, yang menyebabkan dia selalu jatuh) tersungkur di atas mukanya: boleh mendapat hidayah - atau orang yang berjalan tegak betul, melalui jalan yang lurus rata?

(Surah al-Mulk : 67 : 22)

FIQH AYAT

01

Perumpamaan orang kafir seperti orang yang berjalan dalam keadaan terhuyung hayang, kerap jatuh tersembam, tidak tahu arah tujuan dan sesat jalannya dalam mereka menjalani kehidupan yang penuh kekufuran.

02

Perumpamaan orang beriman pula seperti orang yang berjalan lurus dan tetap, jalan yang dilalui juga lurus dan tiada lubang yang menjerumuskan, bahkan mereka mengetahui arah tujuan perjalanan.

03

Antara dua golongan ini pastilah orang beriman yang melalui jalan yang lurus akan mendapat hidayah petunjuk Allah berbanding orang kafir yang tersesat.


PENGAJARAN AYAT

Manusia telah diberi pedoman untuk memilih jalan kebaikan, namun masih ada di kalangan mereka yang terjerumus ke arah jalan keburukan.

Jalan yang lurus adalah segala syariat yang ditetapkan oleh Allah kepada kita melalui perantaraan Nabi Muhammad.

Berfikir dengan rasional dan teliti terhadap pilihan yang diberikan dalam kehidupan dan dipertimbangkan sebaiknya dan jangan menyalahkan takdir atas apa yang berlaku.

ISU SEMASA



Sebahagian umat Islam memilih untuk mengagungkan cara hidup orang bukan Islam kerana menganggap cara hidup mereka adalah sempurna.

Kurang penguasaan ilmu perbandingan agama dalam kalangan pendakwah dan agamawan.



APLIKASI KEHIDUPAN



1. Kita mestilah melakukan kajian dan pemerhatian terhadap apa sahaja tindakan yang akan dilaksanakan dalam kehidupan.

2. Didik generasi muda kita dengan ilmu pengetahuan yang dapat membantu mereka mengenali dan membezakan jalan kebaikan dan jalan keburukan.

3. Kita perlu bekerjasama dengan pihak berkuasa bagi memastikan manusia memilih jalan kebaikan.

HUBUNGAN ANTARA AYAT

sebelum (ayat 21)

Allah SWT menekankan lagi berkenaan kekuasaan Allah bahawa tiada yang memberi rezeki melainkan Dia.

1

sekarang (ayat 22)

Dalam ayat ini Allah SWT menyatakan berkenaan jalan kesesatan dan jalan yang dapat memperolehi hidayah Allah supaya kita berfikir dan melakukan pilihan terbaik.

2

selepas (ayat 23)

Allah SWT menegaskan bahawa manusia diciptakan baginya penglihatan, pendengaran dan hati supaya mereka dapat membuat pertimbangan sebaiknya.

3

AYAT 23

BERSYUKURLAH!

قُلْ هُوَ ٱلَّذِىٓ أَنشَأَكُمْ وَجَعَلَ لَكُمُ ٱلسَّمْعَ وَٱلْأَبْصَٰرَ وَٱلْأَفْـِٔدَةَ ۚ
قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿٢٣﴾

Katakanlah (wahai Muhammad): "Allah yang menciptakan kamu (dari tiada kepada ada), dan mengadakan bagi kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (untuk kamu bersyukur, tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur".

(Surah al-Mulk : 67 : 23)

FIQH AYAT

01

Allah yang mencipta manusia daripada tiada kepada ada.

02

Allah menciptakan pendengaran, penglihatan, hati dan akalmu supaya kamu bersyukur.

03

Sedikit dari kalangan manusia yang benar-benar bersyukur terhadap kurniaan-Nya.

PENGAJARAN AYAT

Keperluan mencari dan mengetahui tujuan penciptaan manusia supaya kita tidak terumbang ambing seperti orang kafir dalam mencari erti kehidupan.

Segala pancaindera yang dikurniakan oleh Allah bukan untuk disia-siakan dan digunakan pada perkara maksiat, bahkan perlu dimanfaatkan bagi mengenali Allah Maha Pencipta.

Golongan yang sedikit tidak semestinya melambangkan kehinaan dan kelemahan.

ISU SEMASA



01

Wujud dari kalangan generasi masa kini yang mula meninggalkan kehidupan bertuhan dan menjadi seorang yang berfahaman Ateis.

02



Terdapat cendekiawan dan saintis yang terpesong apabila penelitian mereka tidak disulami dengan nilai ketuhanan dalam diri.



03

Segelintir manusia mengharapkan pujian dan sanjungan manusia terhadap kebaikan yang dilakukan terutama yang dipaparkan dalam media sosial.

APLIKASI KEHIDUPAN



1. Sentiasa meningkatkan pengetahuan kita dalam mengenali pencipta supaya kita tidak tersesat jalan antaranya dengan memerhatikan segala ciptaan-Nya.

2. Kita hendaklah memelihara dan memanfaatkan sebaiknya segala pancaindera yang dikurniakan Allah SWT.

3. Kita mestilah sentiasa bersyukur dengan segala kurniaan Allah SWT dan redha atas ketentuannya.

HUBUNGAN ANTARA AYAT

sebelum (ayat 22)

Dalam ayat ini Allah SWT menyatakan berkenaan jalan kesesatan dan jalan yang dapat memperoleh hidayah Allah supaya kita berfikir dan melakukan pilihan terbaik.

1

sekarang (ayat 23)

Allah SWT menegaskan bahawa manusia diciptakan baginya penglihatan, pendengaran dan hati supaya mereka dapat membuat pertimbangan sebaiknya.

2

selepas (ayat 24)

Allah SWT menjelaskan bahawa manusia tersebar di muka bumi dengan kepelbagaian warna kulit, bahasa, cara hidup dan sebagainya. Namun semua yang berbeza akan kembali kepada tuhan yang sama di Mahsyar nanti.

3

AYAT 24

ALLAH SWT TEMPAT KEMBALI

قُلۡ هُوَ ٱلَّذِي ذَرَأَكُمۡ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَإِلَيۡهِ تُحۡشَرُونَ ٢٤

Katakanlah lagi: "Dia lah yang mengembangkan kamu di bumi, dan kepada-Nyalah kamu akan dihimpunkan".

(Surah al-Mulk : 67 : 24)

FIQH AYAT

01

Manusia bertebaran di atas muka bumi atas kehendak Allah SWT dengan kepelbagaian kaum, warna kulit, bahasa, adat dan cara hidup.

02

Kepelbagaian ini bertujuan supaya kita saling mengenali, belajar menerima perbezaan dan bertolak ansur supaya kita saling melengkapi di antara satu sama lain.

03

Walaupun kita mempunyai perbezaan dan kepelbagaian, namun kita semua akan dikembalikan kepada Tuhan yang Esa di akhirat kelak.

PENGAJARAN AYAT

Kepelbagaian yang diciptakan oleh Allah SWT bukan untuk kita saling bermusuhan, saling menindas dan merasakan diri kita lebih baik daripada orang lain.

Mempelajari dan mengenali adat dan cara hidup orang lain akan menjadikan kehidupan kita semakin menarik dan harmoni.

Kesedaran dalam diri bahawa kita semua akan dikembalikan dan dihimpunkan di akhirat, menjadikan kita tiada masa untuk saling membenci dan menzalimi antara satu sama lain.


ISU SEMASA



Sebahagian manusia merasakan bahawa bangsa dan kaum mereka adalah lebih mulia daripada orang lain sehingga membawa kepada penindasan dan kezaliman seperti yang dilakukan oleh Zionis Israel terhadap rakyat Palestin.

Masih terdapat golongan yang membezakan taraf dan layanan kepada orang lain berdasarkan warna kulit. Sedangkan kemuliaan adalah berdasarkan ketakwaan kepada Allah SWT.





Terdapat golongan yang tidak meyakini perkara-perkara ghaib seperti hari kebangkitan dan perhimpunan di Mahsyar kerana ianya tidak dapat dibuktikan secara saintifik.

APLIKASI KEHIDUPAN



1. Marilah kita sentiasa saling mengenali antara satu sama lain walaupun berbeza bangsa, agama, warna kulit dan sebagainya.

2. Kita perlulah menyemai perasaan kasih sayang sesama manusia khususnya generasi muda bagi melahirkan generasi yang terbaik yang akan memakmurkan muka bumi.

3. Kita mestilah memahamkan anak-anak kita bahawa kita semua akan dihimpunkan di Mahsyar dan segala amalan kita akan diperhitungkan.

HUBUNGAN ANTARA AYAT

sebelum (ayat 23)

Allah SWT menegaskan bahawa manusia diciptakan baginya penglihatan, pendengaran dan hati supaya mereka dapat membuat pertimbangan sebaiknya.

1

sekarang (ayat 24)

Allah SWT menjelaskan bahawa manusia tersebar di muka bumi dengan kepelbagaian warna kulit, bahasa, cara hidup dan sebagainya. Namun semua yang berbeza akan kembali kepada tuhan yang sama di mahsyar nanti.

2

selepas (ayat 25)

Seterusnya Allah SWT menyebutkan berkenaan sikap orang kafir yang mencabar kekuasaan Allah berkenaan janji perhimpunan di Mahsyar.

3

AYAT 25

KEANGKUHAN GOLONGAN YANG INGKAR

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْوَعْدُ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٢٥﴾

Dan mereka (yang ingkar) berkata: "Bilakah datangnya (hari kiamat) yang dijanjikan itu, jika betul kamu orang-orang yang benar?"

(Surah al-Mulk : 67 : 25)

FIQH AYAT

01

Orang yang ingkar terhadap Allah SWT bersikap sombong dan bongkak dengan menolak kebenaran yang dibawa oleh para nabi.

02

Orang kafir bertanya berkenaan bilakah akan datangnya janji Allah SWT pada mereka bertujuan untuk memperlekeh dan menghina.

03

Para nabi dan orang beriman adalah golongan yang berada di atas jalan kebenaran berdasarkan pengiktirafan Allah SWT bukan melalui pengiktirafan manusia.

PENGAJARAN AYAT

Sikap sombong dan bongkak akan menyebabkan kita sukar menerima kebenaran dan tidak mahu melakukan perubahan ke arah kebaikan.

Larangan mencabar Allah SWT atas apa yang ia janjikan kerana manusia tidak akan mampu menghadapi kemurkaan dan azabnya nanti.

Meyakini adanya hari akhirat perlu diterapkan dalam kehidupan masyarakat.

ISU SEMASA

01



Sebahagian manusia pada zaman ini bersikap sombong dengan kebenaran, berpunca daripada ketamakan terhadap kehidupan dunia.

02



Ada dalam kalangan manusia yang suka mencabar pihak yang benar supaya ditunjukkan balasan tuhan kepada mereka yang ingkar tersebut.

03



Terdapat manusia yang mengharapkan pengiktirafan musuh-musuh Allah SWT supaya menentukan ianya berada pada jalan kebenaran.

APLIKASI KEHIDUPAN



1. Kita hendaklah mendidik diri bersikap tunduk terhadap kebenaran walaupun ianya pahit untuk diterima.

2. Kita mestilah sentiasa melakukan persediaan untuk menghadapi hari akhirat bukannya sibuk memikirkan ada ataupun tidak hari akhirat tersebut.

3. Umat Islam mestilah meyakini bahawa mereka berada atas jalan kebenaran.

HUBUNGAN ANTARA AYAT

sebelum (ayat 24)

Allah SWT menjelaskan bahawa manusia tersebar di muka bumi dengan kepelbagaian warna kulit, bahasa, cara hidup dan sebagainya. Namun semua yang berbeza akan kembali kepada tuhan yang sama di mahsyar nanti.

1

sekarang (ayat 25)

Seterusnya Allah SWT menyebutkan berkenaan sikap orang kafir yang mencabar kekuasaan Allah berkenaan janji perhimpunan di Mahsyar.

2

selepas (ayat 26)

Dalam ayat ini, Nabi menegaskan bahawa pengetahuan berkenaan hari akhirat berada di sisi Allah SWT, Nabi hanyalah seorang penyampai sahaja.

3

AYAT 26

PENGETAHUAN HARI KIAMAT HANYA DI SISI ALLAH SWT

قُلْ إِنَّمَا ٱلْعِلْمُ عِندَ ٱللَّهِ وَإِنَّمَآ أَنَا۠ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٢٦﴾

Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya ilmu pengetahuan (tentang masa kedatangannya) hanya ada pada sisi Allah, dan sesungguhnya aku hanyalah seorang Rasul pemberi ingatan dan amaran yang terang nyata".

(Surah al-Mulk : 67 : 26)

FIQH AYAT

01

Hanya Allah SWT yang mengetahui masa berlakunya hari kiamat, perhimpunan, penghisaban dan semua urusan alam akhirat.

02

Nabi ditugaskan untuk menyampaikan segala ketetapan dan peringatan Allah SWT kepada manusia.

PENGAJARAN AYAT

Tiada siapa yang tahu berkenaan hari akhirat walaupun Nabi sekalipun, melainkan apa yang diberitahu oleh Allah kepada mereka.

Para nabi hanya menjalankan tugas mereka iaitu menyampaikan kepada manusia berkenaan segala arahan Allah dan mereka menyampaikannya dengan penuh amanah dan bertanggungjawab.

Perlunya amaran dan ancaman kepada pelaku maksiat supaya mereka tersedar daripada kemaksiatan yang dilakukan dan terhindar dari terjerumus lagi pada masa yang akan datang.

ISU SEMASA



01

Terdapat ajaran sesat yang memperdayakan pengikut mereka dengan mengatakan bahawa mereka tahu bilakah berlaku kiamat dan meminta pengikut supaya menyerahkan harta untuk mendapatkan keselamatan dari pemimpin ajaran sesat tersebut.

02



Kelalaian sebahagian pendakwah masa kini berkenaan tanggungjawab menyambung tugasan para nabi.



03

Longgarnya penguatkuasaan undang-undang dalam mengekang kegiatan maksiat.

APLIKASI KEHIDUPAN



1. Kita perlulah mempelajari berkenaan tanda-tanda kiamat supaya sentiasa bersedia untuk menghadapinya.

2. Kita semua mestilah menyambung perjuangan dan tugasan para nabi dalam menyampaikan kebenaran kepada umat.

3. Beri peringatan kepada anak-anak kita berkenaan ancaman dan amaran Allah kepada pelaku maksiat agar mereka sentiasa menjauhkan diri dari kemaksiatan.

HUBUNGAN ANTARA AYAT

sebelum (ayat 25)

Seterusnya Allah SWT menyebutkan berkenaan sikap orang kafir yang mencabar kekuasaan Allah berkenaan janji perhimpunan di Mahsyar.

1

sekarang (ayat 26)

Dalam ayat ini, Nabi menegaskan bahawa pengetahuan berkenaan hari akhirat berada di sisi Allah SWT, Nabi hanyalah seorang penyampai sahaja.

2

selepas (ayat 27)

Akibat kepada golongan yang mengingkari adanya hari kiamat, apabila tiba masa yang dijanjikan itu bermuram durjalah wajah-wajah mereka melihat kebenaran janji Allah.

3

AYAT 27

ORANG KAFIR BERMURAM DURJA DI HARI KIAMAT

فَلَمَّا رَأَوْهُ زُلْفَةً سِيٓـَٔتْ وُجُوهُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَقِيلَ
هَٰذَا ٱلَّذِى كُنتُم بِهِۦ تَدَّعُونَ ﴿٢٧﴾

Kemudian apabila (datang kiamat dan) mereka melihat (azab) yang dijanjikan itu secara dekat, muramlah muka orang-orang yang kafir itu, serta dikatakan (kepada mereka): "Inilah dia yang dahulu kamu kerap kali minta disegerakan kedatangannya!".

(Surah al-Mulk : 67 : 27)

FIQH AYAT

01

Hari kiamat dan janji Allah SWT pasti berlaku samada kamu mempercayainya ataupun tidak.

02

Keruh wajah-wajah orang kafir apabila tibanya janji Allah SWT yang dahulunya mereka cabar.

03

Malaikat menempelak orang kafir yang mempersendakan janji Allah.

PENGAJARAN AYAT

Bukti bahawa hari kiamat pasti akan berlaku kerana tiada makhluk yang kekal selamanya sepertimana manusia yang akan mati ketika sampai ajalnya, begitulah juga alam ini.

Wajah-wajah orang kafir ketika hari kiamat akan bertukar menjadi keruh dan hitam apabila melihat azab Allah.

Sikap sombong dan takabbur hanya akan merugikan kita terutama lagi apabila bersikap sombong dengan Tuhan pencipta alam.

ISU SEMASA

01



Dunia telah semakin hampir ke penghujung kehidupan dengan berlakunya banyak tanda-tanda kecil kiamat seperti manusia berlumba-lumba membuat bangunan yang tinggi, ibu melahirkan tuannya sendiri dan pelbagai tanda kiamat yang lain.

02



Ramai manusia yang masih lalai dan leka walaupun didatangkan musibah dan ujian.

03



Sebahagian manusia pada zaman ini tidak mahu menerima teguran dan kata-kata kebenaran dari orang lain, maka tunggulah masanya mereka akan ditegur oleh para malaikat atas apa yang mereka pertikaikan.

APLIKASI KEHIDUPAN



Sentiasalah kita bermanis wajah kepada orang lain di dunia, moga-moga manis juga wajah kita di alam akhirat.



Terimalah teguran manusia terhadap kesilapan kita dengan hati terbuka.

HUBUNGAN ANTARA AYAT

sebelum (ayat 26)

Dalam ayat ini, Nabi menegaskan bahawa pengetahuan berkenaan hari akhirat berada di sisi Allah SWT, Nabi hanyalah seorang penyampai sahaja.

1

sekarang (ayat 27)

Akibat kepada golongan yang mengingkari adanya hari kiamat, apabila tiba masa yang dijanjikan itu bermuram durjalah wajah-wajah mereka melihat kebenaran janji Allah SWT.

2

selepas (ayat 28)

Orang-orang kafir mendoakan kecelakaan kepada Nabi dan orang beriman sedangkan mereka yang berada dalam kecelakaan disebabkan keingkaran dan kekufuran mereka.

3

AYAT 28

TIADA SIAPA YANG DAPAT MEMBANTU ORANG KAFIR

قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِنْ أَهْلَكَنِىَ ٱللَّهُ وَمَن مَّعِىَ أَوْ رَحِمَنَا فَمَن
يُجِيرُ ٱلْكَٰفِرِينَ مِنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٢٨﴾

Tanyalah (wahai Muhammad, kepada mereka): "Bagaimana fikiran kamu, jika Allah binasakan daku dan orang-orang yang bersama-sama denganKu (sebagaimana yang kamu harap-harapkan), atau la memberi rahmat kepada kami (sehingga kami dapat mengalahkan kamu), - maka siapakah yang dapat melindungi orang-orang yang kafir dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya?".

(Surah al-Mulk : 67 : 28)

FIQH AYAT

01

Jika Nabi dan orang beriman tidak diberi kemenangan oleh Allah SWT di medan perang, mereka tetap menang di sisi Allah di akhirat.

02

Allah SWT memberikan kemenangan kepada sesiapa yang ia kehendaki walaupun berada dalam kondisi yang tidak memungkinkan kemenangan pada adatnya.

03

Tiada pelindung dan penolong bagi orang kafir jika mereka dibinasakan dan dimusnahkan oleh Allah.

Sebab Penurunan Ayat:

Diriwayatkan bahawa orang kafir Mekah mendoakan kecelakaan ke atas Rasulullah dan juga ke atas orang beriman, maka dengan sebab itu turunlah ayat tersebut.

PENGAJARAN AYAT

Menjadi kesalahan apabila mendoakan keburukan kepada orang beriman, bahkan doa keburukan itu akan kembali menimpa kepada si pendoa.

Para Nabi dan orang beriman akan tetap terselamat walaupun berlaku musibah dan perkara buruk ke atas mereka di dunia kerana keimanan mereka itu akan menjadi asbab memperoleh rahmat Allah SWT.

Allah SWT berkuasa memberi kemenangan kepada umat Islam sekiranya la kehendaki walaupun berapa ramai sekalipun musuh yang dihadapi.

Tiada siapa yang dapat menahan kebinasaan dan kemusnahan yang dikehendaki Allah SWT berlaku.

ISU SEMASA

01

Sebahagian manusia pada masa kini mengambil mudah dalam mendoakan keburukan kepada orang lain terutama dalam media sosial melalui komen yang tidak sepatutnya.

02

Orang kafir yang menindas umat Islam pada hari ini tidak akan terlepas dari azab Allah di akhirat kerana tiada yang dapat menghindarinya.

03

Umat Islam sepatutnya berasa mulia dengan iman dan Islam kerana pasti akan terselamat dan diberi rahmat oleh Allah di akhirat walaupun adakalanya mereka mengalami kekalahan di dunia.

APLIKASI KEHIDUPAN



1. Kita hendaklah sentiasa mendoakan kebaikan untuk para nabi dan orang beriman.

2. Kita wajib meyakini kemuliaan yang dikurniakan Allah kepada kita melalui Islam dan Iman dan berpegang teguhlah dengannya sentiasa dalam kehidupan.

3. Apabila kita bertemu musuh Allah dalam peperangan atau seumpamanya, ingatlah bahawasanya Allah yang memberi kemenangan.

HUBUNGAN ANTARA AYAT

sebelum (ayat 27)

Akibat kepada golongan yang mengingkari adanya hari kiamat, apabila tiba masa yang dijanjikan itu bermuram durjalah wajah-wajah mereka melihat kebenaran janji Allah SWT.

1

sekarang (ayat 28)

Orang-orang kafir mendoakan kecelakaan kepada Nabi dan orang beriman sedangkan mereka yang berada dalam kecelakaan disebabkan keingkaran dan kekufuran mereka.

2

selepas (ayat 29)

Penyerahan diri kepada Allah SWT dan keimanan kepadanya adalah jalan keselamatan di akhirat.

3

AYAT 29

KEIMANAN DAN PENYERAHAN DIRI KEPADA ALLAH SWT

قُلْ هُوَ ٱلرَّحْمَٰنُ ءَامَنَّا بِهِۦ وَعَلَيْهِ تَوَكَّلْنَا فَسَتَعْلَمُونَ
مَنْ هُوَ فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٢٩﴾

Tegaskan (wahai Muhammad, kepada mereka): "Allah Dia lah Yang Maha Pemurah, yang kami beriman kepada-Nya, dan yang kepada-Nya kami berserah diri; oleh itu kamu akan mengetahui kelak siapakah yang berada dalam kesesatan yang nyata".

(Surah al-Mulk : 67 : 29)

FIQH AYAT

01

Allah SWT menegaskan bahawa tidak berfaedah doa kebinasaan dari orang kafir terhadap Nabi dan orang beriman kerana doa-doa mereka tidak akan dikabulkan disebabkan pergantungan kehidupan mereka bukan kepada Allah SWT.

02

Semua manusia akan mengetahui kelak di akhirat siapa yang berada atas jalan kebenaran dan siapa yang berada dalam kesesatan yang nyata.

03

Umat Islam beriman dan bertawakkal kepada Tuhan yang Maha Pengasih.


PENGAJARAN AYAT

Wajib bertawakkal kepada Allah SWT dalam segala urusan selepas melakukan asbab dan wasilah yang termampu oleh manusia.

Golongan yang diberi keselamatan oleh Allah SWT ialah golongan yang beriman kepada-Nya dan sentiasa bertawakkal dalam segala urusan.

Allah SWT penentu siapa yang berada di atas jalan kebenaran dan siapa yang berada dalam kesesatan di akhirat kelak.

ISU SEMASA



Sebahagian umat Islam masa kini tidak bergantung sepenuhnya kepada Allah Taala bahkan masih ada pergantungan kepada kuasa besar sehingga menghalang mereka melakukan kewajipan seperti mempertahankan bumi Palestin.

Tersebarnya pelbagai ajaran sesat di negara kita. Ia mestilah dikekang dan diberikan penerangan kepada masyarakat berkenaan ajaran sesat tersebut.



APLIKASI KEHIDUPAN



1. Didiklah diri kita sentiasa berzikir iaitu menyebut nama Allah SWT dalam kehidupan seharian.

2. Kita hendaklah sentiasa bertawakkal kepada Allah selepas melakukan segala usaha yang termampu kerana Allah lebih mengetahui yang terbaik untuk diri kita.

3. Kita wajib bermuhasabah diri “adakah aku sentiasa berada atas jalan kebenaran atau adakalanya tergelincir ke arah kesesatan dalam kehidupan dunia”?

HUBUNGAN ANTARA AYAT

sebelum (ayat 28)

Orang-orang kafir mendoakan kecelakaan kepada Nabi dan orang beriman sedangkan mereka yang berada dalam kecelakaan disebabkan keingkaran dan kekufuran mereka.

1

sekarang (ayat 29)

Penyerahan diri kepada Allah SWT dan keimanan kepadanya adalah jalan keselamatan di akhirat.

2

selepas (ayat 30)

Dalam ayat terakhir ini Allah SWT menegaskan bahawa Dia adalah pemilik mutlak segala kekuasan yang ada.

3

AYAT 30

KEKUASAAN MILIK MUTLAK ALLAH SWT

قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِنْ أَصْبَحَ مَآؤُكُمْ غَوْرًا فَمَن يَأْتِيكُم بِمَآءٍ مَّعِينٍ ﴿٣٠﴾

Katakanlah lagi: "Bagaimana fikiran kamu, sekiranya air kamu hilang lenyap (di telan bumi), maka siapakah (selain Allah) yang dapat mendatangkan kepada kamu air yang sentiasa terpancar mengalir?".

(**Surah al-Mulk : 67 : 30)**

FIQH AYAT

01

Allah SWT pemberi nikmat kepada manusia dan semua makhluk, maka kepadanya kita menyembah dan beribadah.

02

Antara nikmat Allah SWT kepada makhluknya ialah air. Betapa sukar dan merana makhluk sekiranya nikmat air ini ditarik oleh Allah SWT atas kesyirikan yang mereka lakukan.

03

Tiada yang mampu memberikan kepada makhluk nikmat air jika Allah SWT telah menariknya kembali.

PENGAJARAN AYAT

Tidak layak bagi manusia mensyirikkan Allah SWT sedangkan Allah SWT yang memberikan segala nikmat kepadanya atas dunia.

Air adalah keperluan terbesar dalam kehidupan manusia kerana hampir 70% kehidupannya bersumberkan air.

Tiada kuasa besar di atas dunia yang mampu menyaingi kuasa Allah SWT jika ia menahan langitnya daripada menurunkan hujan. Betapa lemahnya kita di hadapan kekuasaan Allah yang Maha Agung.

ISU SEMASA

01

Pembaziran air kerap berlaku pada zaman moden ini kerana merasakan bahawa air cukup mudah untuk didapati dan diperoleh sehingga ia tidak dihargai.

02



Kemusnahan alam oleh tangan-tangan manusia, pembuangan sampah tidak terkawal dan sisa perkilangan yang dialirkan ke sungai menyebabkan sumber air tercemar dan tidak dapat dimanfaatkan oleh manusia.

03

Keprihatinan pihak kerajaan terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di negara ini masih perlu dipertingkatkan.

APLIKASI KEHIDUPAN



Kita perlulah sentiasa mengamalkan penggunaan air secara berhemah supaya tidak berlaku pembaziran.



Syukurilah segala nikmat yang telah dikurniakan Allah SWT termasuk nikmat air, segala nikmat tersebut sepatutnya mengukuhkan lagi keimanan bukan menjauhkan kita dari Allah yang Maha Berkuasa.

HUBUNGAN ANTARA AYAT

sebelum (ayat 29)

Penyerahan diri kepada Allah SWT dan keimanan kepadanya adalah jalan keselamatan di akhirat.

1

sekarang (ayat 30)

Dalam ayat terakhir ini Allah SWT menegaskan bahawa Dia adalah pemilik mutlak segala kekuasan yang ada.

2

TADABBUR
SURAH AL-MULK
KUASA DUNIA & AKHIRAT

Flip Book Version

JABATAN MUFTI NEGERI PERAK